



Yayasan Waqaf Malaysia



## SIARAN MEDIA

YAYASAN WAQAF MALAYSIA  
&  
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU

---

### MAJLIS APRESIASI PEWAKAF

**Kuala Terengganu, 11 April 2023** – Bersempena dengan Bulan Wakaf Kebangsaan Tahun 2023 yang telah dirasmikan oleh YAB Datuk Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri pada 23 Mac 2023 yang lalu, Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) bersama Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) pada hari ini telah menganjurkan Majlis Apresiasi Pewakaf di Hotel Grand Puteri, Kuala Terengganu sebagai tanda menghargai para pewakaf terutamanya yang berada di Negeri Terengganu. Selain itu, sebagai usaha meraikan jalinan kerjasama erat antara YWM dan MAIDAM yang telah terjalin sejak tahun 2015, negeri Terengganu telah dijadikan pilihan lokasi majlis ini.

Seramai 120 orang pewakaf YWM dan MAIDAM sama ada yang mewakafkan tunai secara potongan gaji atau secara *one-off* telah dijemput menghadiri majlis ini. Selain itu, turut dijemput para pewakaf yang telah mewakafkan aset atau harta tidak alih kepada MAIDAM. Majlis yang diadakan ini turut diserikan dengan slot Ibrah Khas Ramadan yang bertajuk 'Untungnya Seorang Pewakaf' yang disampaikan oleh YB. Dato' Haji Shaikh Harun bin Shaikh Ismail, Yang Dipertua MAIDAM. Turut hadir, Encik Abdul Halim bin Mat Yusop, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif YWM, wakil rakan kerjasama YWM dalam pembudayaan wakaf iaitu Encik Mohd Zaid Othman, Pengarah Komunikasi Strategik dan Tanggungjawab Sosial CIMB Islamic, dan pegawai daripada Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR).

Berdasarkan data yang diperolehi daripada Sistem Wakaf Tunai Malaysia YWM, terdapat seramai 25,601 orang pewakaf berdaftar dan daripada jumlah tersebut, seramai 949 pewakaf adalah dari negeri Terengganu. Manakala bagi pewakafan secara tunai melalui potongan gaji di negeri Terengganu bermula pada tahun 2015 hingga kini adalah seramai 234 orang dengan nilai transaksi terkumpul sebanyak RM602,511.00.

Kini, urusan pewakafan menjadi lebih mudah dengan adanya skim berwakaf secara potongan gaji sama ada untuk penjawat awam atau swasta. Selain pewakafan melalui skim potongan gaji, YWM turut mengalu-alukan semua pihak sama ada individu, syarikat swasta atau korporat untuk sama-sama menyokong amalan berwakaf menerusi kempen #WakafSeringgitJe anjuran YWM yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 1 Ramadan 1444H yang lalu.

**-TAMAT-**

**Yayasan Waqaf Malaysia**  
**Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu**  
**11 April 2023**

---

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi:

1. **Cik Haidatul Azia binti Husin**  
**Pengurus Bahagian Pemasaran dan Korporat**  
**Yayasan Waqaf Malaysia**  
**019-3883395 | azia@ywm.gov.my**
2. **Encik Muhamad Syarif bin Omer**  
**Penolong Setiausaha**  
**Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu**  
**010-567 5164 | syarif.omer.abdullah@gmail.com**